

25/04/2002

China turut kecam Israel

KUALA LUMPUR, Rabu - China sependapat dengan Malaysia berhubung isu Palestin dan mengecam pelanggaran hak asasi oleh tentera Israel terhadap rakyat Palestin, kata Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan, Kementerian Luar China, Zhang Qiyue.

Bercakap pada taklimat akhbar mengenai perbincangan tertutup Naib Presiden China, Hu Jintao, dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini, Zhang berkata China menggesa Israel mengundurkan semua tenteranya dari wilayah Palestin yang diduduki tanpa syarat sejajar dengan ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beliau berkata, China juga membantah tindakan regim Yahudi meneruskan kepungan terhadap pemimpin Palestin, Yasser Arafat.

"Naib Presiden akan menyatakan pendirian China berhubung isu Palestin kepada Presiden George W Bush, semasa lawatan beliau ke Amerika Syarikat minggu depan," katanya.

Zhang berkata, pada pertemuan itu Hu turut mendapatkan pandangan Dr Mahathir mengenai keadaan semasa di Asia Barat memandangkan Perdana Menteri baru pulang dari rangka lawatan ke beberapa negara berkenaan.

Tanpa menyatakan butiran lanjut, Zhang berkata kedua-dua pemimpin juga bertukar pandangan mengenai pelbagai isu antarabangsa.

Mengenai kunjungan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, di Istana Negara pagi ini, Zhang berkata Hu menyatakan kekaguman kerajaan dan rakyat China kepada Seri Paduka Baginda mengenai pencapaian kerajaan dan rakyat Malaysia dalam semua bidang.

(END)